

DIFFLAMAB SORE THROAT LOZENGES (BLACKCURRANT)

2,4-Dichlorobenzyl Alcohol 1.2mg / Amylmetacresol 0.6mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan DifflamAB Sore Throat Lozenges (Blackcurrant)
2. Bagaimana DifflamAB Sore Throat Lozenges (Blackcurrant) berfungsi
3. Sebelum menggunakan DifflamAB Sore Throat Lozenges (Blackcurrant)
4. Cara menggunakan DifflamAB Sore Throat Lozenges (Blackcurrant)
5. Semasa menggunakan DifflamAB Sore Throat Lozenges (Blackcurrant)
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DifflamAB Sore Throat Lozenges (Blackcurrant)
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan DifflamAB Sore Throat Lozenges (Blackcurrant)

DifflamAB Sore Throat Lozenges (Blackcurrant) digunakan untuk melegakan gejala jangkitan mulut dan kerongkong.

Bagaimana DifflamAB Sore Throat Lozenges (Blackcurrant) berfungsi

DifflamAB Sore Throat Lozenges (Blackcurrant) mengandungi bahan aktif 2,4-Dichlorobenzyl alcohol dan Amylmetacresol iaitu antiseptik. Kedua-dua bahan ini memberi kesan antibakteria disebabkan ciri antibakteria, antikulat dan antivirusnya.

Sebelum menggunakan DifflamAB Sore Throat Lozenges (Blackcurrant)

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan ubat ini jika anda alah kepada mana-mana bahan terkandung ubat ini.

Ubat ini tidak boleh digunakan oleh kanak-kanak berumur kurang dari 6 tahun.

Jangan ambil ubat ini jika anda mempunyai keadaan keturunan yang dipanggil glucose-galactose malabsorption atau sucrose isomaltose insufficiency. Jika anda kurang pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Sebelum mula menggunakan DifflamAB Sore Throat Lozenges (Blackcurrant)

Sila baca semua arahan sebelum menggunakan ubat ini. Maklumat terperinci ada pada risalah pada produk ini. Jika anda kurang pasti, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum guna.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Interaksi ubat ini dengan ubat-ubatan lain tidak diketahui dengan sepenuhnya. Walaubagaimanapun, jika anda sedang mengambil apa-apa ubat yang lain sama ada dibeli di atas kaunter, tanpa surat doktor di farmasi atau dari kedai makanan kesihatan, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi terlebih dahulu.

Cara menggunakan DifflamAB Sore Throat Lozenges (Blackcurrant)

Berapa banyak harus digunakan

Ikuti arahan dengan teliti seperti yang ada pada risalah produk ini. Jika anda kurang pasti, dapatkan nasihat doktor atau ahli Farmasi anda.

Dos yang biasa untuk dewasa dan kanak-kanak (lebih dari umur 6 tahun) ialah sebiji lozen, dihisap dengan perlahan setiap 2 hingga 3 jam. Anda boleh mengambil sehingga 12 biji lozen sahaja dalam sehari sahaya.

Bila perlu digunakan

Gunakan seperti diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini seperti diarahkan. Jika gejala anda tidak bertambah baik atau menjadi lebih teruk selepas 3 hari, dapatkan nasihat doctor atau ahli farmasi anda.

Jika terlupa menggunakan

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika terlupa mengambil ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hamper masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doctor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan ketidakselesaan perut.

Semasa menggunakan DifflamAB Sore Throat Lozenges (Blackcurrant)

Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini seperti diarahkan.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil DifflamAB Sore Throat Lozenges (Blackcurrant).

Perkara tidak boleh dilakukan

Jangan ambil apa-apa ubat baru tanpa mendapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan beri DifflamAB Sore Throat Lozenges (Blackcurrant) kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai gejala yang sama seperti anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera:

Ubat ini tidak akan menjejaskan keupayaan anda memandu atau menggunakan jentera.

Kehamilan dan penyusunan:

Kesan penggunaan ubat ini oleh wanita mengandung atau menyusui tidak diketahui dengan sepenuhnya.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan ubat ini sekiranya anda mengandung atau sedang menyusui.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, DifflamAB Sore Throat Lozenges (Blackcurrant) boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli Farmasi anda sekiranya anda mengalami kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Kesan sampingan yang biasa disebabkan ubat ini ialah alahan (jika anda alah kepada mana-mana bahan terkandung ubat ini), glossodynia (rasa pedih dalam mulut, terutamanya pada lidah) dan ketidakselesaan mulut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web nppra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan DifflamAB Sore Throat Lozenges (Blackcurrant)

Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30 °C, pada tempat yang kering.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah.

Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Berwarna ungu, bulat, dwicembung dan berasa seperti buah anggur hitam dengan rasa yang manis.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Setiap lozeng mengandungi:

- 2,4-Dichlorobenzyl Alcohol 1.2mg
- Amylmetacresol 0.6mg

- Bahan tidak aktif

- Sucrose
- Liquid glucose
- Citric acid monohydrate
- Purified water
- Mentha oil
- Blackcurrant flavour
- Colour Carmoisine
- Colour Brilliant blue

Nombor MAL

MAL18126011X

Pengilang

Unique Pharmaceutical Laboratories
(A Division of J.B.Chemicals & Pharmaceuticals Ltd.)
Survey Number 101/2 and 102/1,
Daman Industrial Estate,
Airport Road, Kadaiya, Daman,
396210, India.

Pemegang Pendaftaran Produk

iNova Pharmaceuticals (Singapore) Pte Ltd (Incorporated in Singapore)
Malaysia Branch
5F-2, 5th Floor,
Tower 2, @ PFCC,
Jalan Puteri 1/2, Bandar Puteri,
47100 Puchong,
Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

11 / 03 / 2025

Nombor Siri

NPRA(R2/1)190809/219